



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

#### **MAKLUMAT SUSULAN PASUKAN PETUGAS KHAS EAIC SIASATAN PROSES KEWARGANEGARAAN PEMAIN NATURALISASI MALAYSIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**11 NOVEMBER 2025**

---

Pasukan Petugas Khas (PPK) Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi siasatan ke atas dakwaan kegagalan pengesahan dokumen pengenalan dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam proses kewarganegaraan tujuh (7) pemain naturalisasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada hari ini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham, Timbalan Pengerusi EAIC selaku Pengerusi Pasukan Petugas Khas bersama ahli-ahli Suruhanjaya Datuk Ong Lam Kiat dan Datuk Siti Zainab Omar serta pegawai-pegawai kanan daripada Bahagian Operasi EAIC.

Mesyuarat pada hari ini memutuskan Datuk Seri Dr. Yusof Ismail, yang sebelum ini diumumkan sebagai ahli Pasukan Petugas Khas, digugurkan daripada senarai ahli pasukan mengambil kira potensi konflik kepentingan dengan kedudukannya sebagai Ahli Jawatankuasa Siasatan Bebas (*Independent Investigation Committee – IIC*) oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Selain itu, mesyuarat pada hari ini menetapkan Terma Rujukan (*Terms of Reference – TOR*) Pasukan Petugas Khas bagi memastikan siasatan dijalankan secara telus, bebas dan berintegriti. Pasukan Petugas Khas EAIC akan meneliti secara mendalam aspek integriti, tadbir urus dan pematuhan prosedur dalam pengurusan serta pengesahan dokumen pemain-pemain berkenaan.

Pasukan Petugas Khas EAIC komited untuk menyelesaikan siasatan dalam tempoh tiga (3) bulan selaras dengan mandat Suruhanjaya ini di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**

---

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.